

APRIL 2024

NADI SUKARELWAN



**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1, Seremban 3,
70300 Seremban, Negeri Sembilan,
Malaysia Phone: 606-6342000, Faks: 606-6335813

Tiada sebarang bahagian daripada penulisan ini boleh diubah, disalin, diedarkan semula, disiarkan, dipaparkan, diterbitkan, dilisensikan, dipindahkan, dan dijual dalam apa jua bentuk tanpa mendapat kebenaran bertulis oleh ketua penyunting.

Penafian:

Sebarang maklumat dalam penulisan ini adalah pendapat peribadi dan pengetahuan oleh penulis artikel tersebut. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pendapat profesional sebelum mengikuti sebarang maklumat dalam penulisan ini. Pihak universiti, fakulti, penerbit dan barisan penyunting tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang risiko kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISBN : 978-629-99383-2-3

Tarikh Diterbitkan: 30 April 2024

DEDIKASI SEORANG SUKARELAWAN



Muhammad Zakwan bin Zukhri, seorang mahasiswa dari Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (SR243) dan menetap di negeri Pahang, berkongsi pengalamannya serta pandangan mengenai penglibatan sebagai sukarelawan dalam acara Karisma 2024.

Sebelum menyertai acara ini, Zakwan telah terlibat dalam aktiviti sukarelawan pasca banjir, menyumbang tenaga untuk membantu masyarakat yang terjejas. Bagi Zakwan, pengalaman ini mengukuhkan komitmen untuk terus memberi sumbangan kepada masyarakat dan menjadi sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kualiti hidup orang lain. Beliau menekankan, *"Saya percaya bahawa setiap tindakan sukarelawan, walaupun kecil, dapat memberi impak yang besar kepada komuniti."*

Momen yang memberikan kesan besar kepada Zakwan adalah ketika terlibat dalam aktiviti sukarelawan dalam sukan tenis. Beliau menyaksikan bagaimana sukan tenis membantu dalam pembangunan keyakinan diri, kemahiran berkomunikasi, dan semangat kerjasama di antara peserta. Zakwan berkongsi, *"Hal ini memberikan inspirasi kepada saya untuk terus terlibat dalam menyokong dan mempromosikan sukan sebagai alat pembangunan komuniti."*

Zakwan mendedikasikan diri sebagai sukarelawan atas dorongan untuk membantu mereka yang memerlukan dan menyokong pembangunan masyarakat yang lebih baik. Beliau menyatakan, *"Hasrat saya untuk melibatkan diri secara sukarela adalah untuk memberi kembali kepada masyarakat dan menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik untuk semua."*

Melihat peranan sukarelawan dalam membantu komuniti, Zakwan melihat mereka sebagai agen perubahan yang mampu memberikan impak positif melalui tindakan yang sederhana namun bermakna.

Sebagai sukarelawan dalam acara Karisma 2024, Zakwan menganggap pencapaian terbesarnya ialah melihat kesan positif yang dihasilkan dalam kehidupan orang lain dan masyarakat secara keseluruhan.

Walau bagaimanapun, seperti semua sukarelawan, beliau menghadapi cabaran dalam aktivitinya. Cabaran tersebut termasuk menguruskan masa dengan cekap, menangani situasi yang mencabar dengan sabar, dan berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat. Zakwan berpendapat, *"Walaupun ada cabaran, saya sentiasa cuba untuk menjadikan mereka sebagai peluang untuk belajar dan berkembang"* – ulas Zakwan.